

Jenis Akhbar : Utusan TV
Tarikh : 30/01/2023
Edisi / Muka Surat : utusan.com
Tajuk : ANGKASA Sasar Gerakan Koperasi Sekolah Catat Perolehan RM400 Juta

ANGKASA Sasar Gerakan Koperasi Sekolah Catat Perolehan RM400 Juta



Presiden ANGKASA merangkap Presiden ASEAN Co-operative Organization (ACO), Datuk Seri Dr Abdul Fattah Abdullah melawat reruai pada Majlis Anugerah Hari Koperasi Sekolah (HKS), Pelancongan Koperasi Sekolah (PKS) dan Ikon Koperasi Muda Sekolah 2022 Peringkat Kebangsaan di Shah Alam, semalam.

ANGKATAN Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd (ANGKASA) menyasarkan gerakan koperasi sekolah seluruh negara merekodkan perolehan terkumpul berjumlah RM400 juta tahun ini.

Ia menerusi kepelbagaian aktiviti perniagaan yang diusahakan berikutan ekonomi negara semakin pulih daripada kesan pandemik COVID-19.

Presiden ANGKASA merangkap Presiden ASEAN Co-operative Organization (ACO), Datuk Seri Dr Abdul Fattah Abdullah berkata, pihaknya yakin sasaran itu mampu dicapai melalui penglibatan separuh daripada 2,473 koperasi sekolah dalam projek Barang Asas 100 (BA100) yang dipelopori ANGKASA.

“Membangunkan koperasi sekolah merupakan antara agenda utama yang tidak pernah ditinggalkan dalam program dan aktiviti pembangunan oleh ANGKASA untuk memajukan gerakan koperasi secara keseluruhannya,” katanya.



Presiden ANKASA merangkap Presiden ASEAN Co-operative Organization (ACO), Datuk Seri Dr Abdul Fattah Abdullah

Beliau berkata demikian pada Majlis Anugerah Hari Koperasi Sekolah (HKS), Pelancongan Koperasi Sekolah (PKS) dan Ikon Koperator Muda Sekolah 2022 Peringkat Kebangsaan di Shah Alam, semalam.

Majlis yang kembali setelah dua tahun menyepi ekoran penularan wabak COVID-19 itu telah dihadiri oleh lebih 600 peserta terdiri daripada murid dan guru koperasi sekolah daripada seluruh negara.

Majlis tersebut diadakan bertujuan untuk memberi pengiktirafan kepada warga koperasi sekolah atas penglibatan mereka dalam menjayakan pelbagai aktiviti yang dijalankan sehingga berjaya mencatat kejayaan di peringkat kebangsaan mahu pun antarabangsa.

Mengulas lanjut, Abdul Fattah menyarankan supaya diadakan satu kajian semula mengenai arah tuju baharu koperasi sekolah oleh semua pihak termasuk kementerian, agensi, pejabat pendidikan daerah (PPD) dan ANKASA.

Tambah beliau, langkah itu bukan sahaja dilihat sesuai dengan perubahan dari segi masa, politik dan ekonomi, malah penting untuk mencapai matlamat menjadikan Malaysia negara keusahawanan unggul menjelang 2030.

Sementara itu, laporan perangkaan yang dilaporkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia menunjukkan koperasi sekolah telah menyumbang perolehan sebanyak RM318.61 juta dengan aset bernilai lebih RM416.86 juta dan syer/yuran berjumlah lebih RM29.63 juta pada 31 Disember 2021.



Data interim sehingga Jun 2022 pula merekodkan koperasi sekolah mempunyai aset bernilai RM414.56 juta, syer/yuran sebanyak RM29.45 juta dan perolehan berjumlah RM211.61 juta.

Sehingga hari ini juga, terdapat sebanyak 14 buah koperasi sekolah di seluruh negara yang telah berjaya mencapai perolehan melebihi RM1 juta.